



TEKS UCAPAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA
MAJLIS PENYERAHAN
SURAT SETUJU TERIMA (SST)
PROJEK PEMBINAAN KAMPUS BAHARU
KOLEJ PROFESIONAL MARA(KPM)KAPIT, SARAWAK**

**14 JUN 2025 | SABTU
DEWAN SUARAH,
KAPIT, SARAWAK**

<<< Salutati akan diberikan oleh Urusetia pada hari berkenaan>>>

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, Salam Segulai Sejalai.

1. Pertama sekali, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan rasa syukur kerana pada hari ini kita dapat bersama-sama dalam **Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) Projek Pembinaan Kampus Baharu Kolej Profesional Mara (KPM) Kapit, Sarawak**.

2. Majlis ini sangat istimewa bagi saya sebagai Menteri Kerja Raya, Ahli Parlimen Kapit dan Rakyat Sarawak kerana penyerahan SST ini bukan sekadar simbolik semata-mata, tetapi ianya sebahagian dari aspirasi saya untuk menjadikan Kapit inklusif atau terangkum dalam arus perdana negara dan negeri Sarawak. Jurang antara bandar dan luar bandar juga dapat dikurangkan secara terancang dan rakyat Kapit tidak terpinggir dalam arus pemodenan melalui kualiti pendidikan yang setaraf di Malaysia kalau pun tidak di dunia. Ini antara komitmen yang ingin saya zahirkan dan saya amat berterima kasih kerana Kerajaan Malaysia MADANI dan Kerajaan Negeri Sarawak sedia menyokong aspirasi ini melalui peruntukan pembangunan di Kapit dan Kolej Profesional MARA adalah salah satu darinya.

Dato'- Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan sekalin,

3. **Tahniah saya ucapkan kepada syarikat Wangi Marine Services Sdn. Bhd. kerana telah terpilih untuk melaksanakan projek penting ini. Projek ini menuntut komitmen yang tinggi dari Pihak Kontraktor, Pegawai Penguasa Projek dan Kumpulan Projek untuk memenuhi Aspirasi Kementerian Kerja Raya 2025 iaitu projek disiapkan *AOT (Ahead of Time)* dan *bukan EOT (extension of Time)*. Seperti yang sering saya katakan, Kita bukan semata-mata membina Bangunan dan tetapi kita juga membina masa depan pembangunan untuk negara dan anak bangsa Malaysia agar negara kita dapat muncul kembali sebagai 'The Asian Tiger' yang disegani dunia melalui kualiti anak-anak kita yang berilmu, berakhlak mulia, progresif dan berdaya-saing.**
4. **Justeru saya berharap pihak kontraktor bersama Project Team dari JKR Malaysia dapat menyemat misi ini dalam melaksanakan projek ini sehingga ianya disiapkan dengan sempurna. Saya juga berharap JKR Malaysia dapat membantu dalam semua aspek perancangan dan pelaksanaan projek termasuk penggunaan tenaga kerja, bahan binaan, teknologi pembinaan dan proses pembayaran. Saya tidak mahu ada perkara yang terlepas pandang sehingga menjejaskan jadual dan kualiti terutama aspek keselamatan di tapak pembinaan.**
5. Saya rasa tidak perlu saya terangkan secara terperinci akan skop projek ini. Cukup saya nyatakan dengan nilai kontrak RM79 juta saya tidak akan berkompromi dengan kualiti mahupun jadual. Dan kalau boleh saya mahu Kolej Profesional MARA ini dapat disiapkan dan bersedia digunakan mengikut jadual. Saya mahu memberikan cabaran ini kepada Kontraktor dan Kumpulan Projek. Saya mahu ini menjadi realiti dan ingin saya tekankan bahawa saya telah meminta Ketua Pengarah JKR supaya tidak setuju untuk memberikan sebarang ***Extension of Time*** bagi projek ini.
6. **Sekiranya pembinaan Kolej Profesional MARA ini dapat dilaksanakan *Ahead of Time*, ini bakal memberi peluang kepada 300 orang pelajar lepasan SPM untuk mengikuti**

program pengajian dalam bidang Diploma Pengajian Perniagaan, Diploma Pengurusan Perladangan dan Diploma Teknologi Maklumat dalam keadaan kondusif, bersemangat dan yang menyokong kecemerlangan prestasi mereka.

Hadirin sekalian,

7. Pembinaan institusi latihan ini bertujuan untuk **memenuhi permintaan pelajar luar bandar, khususnya lepasan SPM** untuk melanjutkan pelajaran di peringkat lebih tinggi. Di samping itu juga, ia akan menjadi pusat pendidikan yang melahirkan tenaga kerja profesional, berkemahiran dan berpendapatan tinggi, sejajar dengan keperluan industri negara.
8. **Pembinaan Kolej Profesional MARA di Kapit juga sejajar dengan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak atau Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE) yang dilancarkan pada tahun 2008 dan disasarkan untuk direalisasikan sepenuhnya menjelang 2030. Dengan unjuran penyediaan 1.6 juta peluang pekerjaan, Sarawak dijangka menjadi negeri berpendapatan tinggi – dan pelaksanaan projek ini akan menjadi antara pemangkin kepada sasaran tersebut.**
9. KKR dan JKR Malaysia sentiasa komited untuk menyokong pembangunan negara melalui penyediaan infrastruktur pendidikan yang berkualiti, mampan dan menyokong kecemerlangan anak bangsa kita dalam pendidikan dan kemahiran.
10. Usaha ini sejajar dengan aspirasi Kerajaan MADANI yang mengangkat nilai kesejahteraan, inklusiviti dan kemampanan untuk membentuk masyarakat berilmu, progresif dan berdaya saing.
11. <<< Di cadangkan supaya YB Dato Sri berucap sedikit dalam bahasa Iban >>>

Tuan, Puan Para Hadirin Yang Dihormati,

12. Sekali lagi saya ingin mengingatkan kepada pihak kontraktor yang telah dipilih agar melaksanakan tanggungjawab ini dengan penuh **integriti dan amanah. No Cut Corners!** Pastikan projek ini disiapkan mengikut spesifikasi, kualiti, dan tempoh yang ditetapkan dengan 0 (kosong) kemalangan.
13. Pengarah Projek perlu aktif memantau dan menyelesaikan isu di tapak secara rapi dan berterusan, berkomunikasi dan bekerjasama dengan semua pihak agar pelaksanaan projek dapat disiapkan dengan jayanya lebih awal dari jadual.

PENUTUP

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada JKR dan semua pihak yang terlibat atas kejayaan

dalam menguruskan projek-projek ini. KKR akan terus komited untuk memastikan pembangunan infrastruktur negara bergerak ke hadapan dengan lebih cekap, mampan dan inovatif.

15. Terima kasih juga kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) selaku kementerian pelanggan dan pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) kerana terus memberi kepercayaan kepada pihak JKR Malaysia sebagai agensi pelaksana bagi projek ini.
16. Sebagai penutup, izinkan saya berkongsi serangkap pantun:

*“Bekayuh perauk ngelaban pelan,
Datai ke muara nyampai mega;
Belajar ditua, pemansang dikeman,
Agar anak bangsa berjaya besega.”*

Terjemahan dalam Bahasa Melayu;

*“Mengayuh perahu mengikut arus tenang,
Menuju ke muara, tiba juga;
Ilmu dipupuk, kemajuan dikejar
Agar anak bangsa terus berjaya.”*

Sekian, terima kasih.